


# KEMENTERIAN KEWANGAN

## Maksud Bekalan/Pembangunan 10, 11 dan 12



	Mengurus	Pembangunan		Jumlah
	RM	Cara Langsung	Pinjaman	
B.10 - Perbendaharaan	4,354,352,100	6,543,005,200	10,000,000	10,907,357,300
B.11 - Perkhidmatan Am Perbendaharaan	18,633,916,100	0	0	18,633,916,100
B.12 - Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun	38,798,900,100	0	0	38,798,900,100
<b>JUMLAH</b>	<b>61,787,168,300</b>	<b>6,543,005,200</b>	<b>10,000,000</b>	<b>68,340,173,500</b>

### VISI

Menjadi agensi unggul dalam pengurusan kewangan dan ekonomi negara.

### MISI

Mengurus kewangan dan ekonomi negara dengan cekap, telus dan berkesan untuk mencapai matlamat pembangunan negara.

### PELANGGAN

- (i) Kementerian, Jabatan, Badan-badan Berkanun Persekutuan;
- (ii) Kerajaan Negeri, Agensi-agensi swasta; dan
- (iii) Orang awam.

## KERANGKA KEBERHASILAN KEMENTERIAN

### PRESTASI OUTCOME KEMENTERIAN

#### Outcome 1 : Pengurusan fiskal berkesan

Petunjuk Prestasi Utama	2017 (Sebenar)	2018 (Sasaran)	2019 (Sasaran)
Peratusan defisit fiskal berbanding Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) (%)	3.00	3.70	3.40
Peratusan hutang Kerajaan Persekutuan berbanding KDNK (%)	50.70	<55.00	<55.00

#### Outcome 2 : Pengurusan kewangan awam yang berhemat

Petunjuk Prestasi Utama	2017 (Sebenar)	2018 (Sasaran)	2019 (Sasaran)
Peratusan indeks komposit kepuasan pelanggan (%)	88.11	90.00	90.00
Markah Purata Indeks Akauntabiliti Sektor Awam	87.41	90.00	90.00

## PROGRAM 1 : PENGURUSAN KEMENTERIAN

### PRESTASI OUTCOME PROGRAM

#### Outcome : Penyampaian perkhidmatan yang berkesan

Petunjuk Prestasi Utama	2017 (Sebenar)	2018 (Sasaran)	2019 (Sasaran)
Peratusan pematuhan piagam pelanggan (%)	94.79	95.00	95.00
Peratusan pencapaian prestasi KPI (%)	97.32	98.00	98.00
Indeks Penarafan Bintang (Indeks SSR)	5	5	5
Markah Indeks Akauntabiliti (%)	89.70	90.00	90.00

#### Aktiviti 1: Pengurusan Am

**Fungsi:** Menggubal dasar saraan sektor awam dan memberi perkhidmatan sokongan bagi aktiviti-aktiviti berkaitan sumber manusia, pentadbiran, kewangan dan projek pembangunan di Kementerian Kewangan.

#### Aktiviti 2: Strategi Korporat dan Komunikasi

**Fungsi:** Memastikan peningkatan prestasi perkhidmatan, kawalan tadbir urus dan komunikasi korporat yang cekap dan berkesan.

#### Aktiviti 3: Pengurusan Teknologi Maklumat

**Fungsi:** Meningkatkan produktiviti dan kecekapan penyampaian perkhidmatan berpaksikan rakyat melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

## PROGRAM 2 : STRATEGI FISKAL

### PRESTASI OUTCOME PROGRAM

#### Outcome : Pencapaian belanjawan berimbang

Petunjuk Prestasi Utama	2017 (Sebenar)	2018 (Sasaran)	2019 (Sasaran)
Peratusan hasil cukai berbanding KDNK (%)	13.14	15.00	14.70
Pencapaian KDNK bersamaan dengan Keluaran Potensi Bidang Ekonomi ( <i>Potential Output</i> ) (%)	5.90	4.80	4.90

#### Aktiviti 1: Fiskal dan Ekonomi

**Fungsi:** (a) Merangka dasar dan strategi fiskal selaras dengan objektif pembangunan nasional, bajet berimbang, hasil, perbelanjaan dan tahap hutang; (b) menyediakan rangka kerja dan unjuran makroekonomi negara bagi membantu kerajaan menilai isu ekonomi, kedudukan fiskal dan sosioekonomi semasa selaras dengan perancangan jangka masa pendek dan sederhana.

#### Aktiviti 2: Cukai

**Fungsi:** Memastikan sistem dan dasar percukaian yang saksama dan berupaya merangsang pertumbuhan ekonomi yang mampan di samping dapat menjana hasil negara.

#### Aktiviti 3: Belanjawan Negara

**Fungsi:** (a) Menentukan pengagihan sumber kewangan Kerajaan dibuat dengan sewajarnya selaras dengan dasar dan objektif negara; (b) mengawal peruntukan supaya ia dibelanjakan oleh kementerian/jabatan/agensi untuk tujuan yang ditentukan dengan cekap dan berkesan; dan (c) menguruskan pemberian kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan-kerajaan Tempatan selaras dengan apa yang ditentukan oleh Perlembagaan Persekutuan, keputusan-keputusan Majlis Kewangan Negara (MKewN) dan Jemaah Menteri.

#### Aktiviti 4: Antarabangsa

**Fungsi:** (a) Mengetuai aspek pembangunan dan pelaksanaan strategi dalam semua bentuk urusan dua hala dan pelbagai hala yang berkaitan penyelidikan, kerjasama serantau dan perundingan; (b) mengetuai peranan Perbendaharaan dalam bidang dan perkara berkenaan ekonomi antarabangsa dengan memastikan penglibatan dan penyelidikan antarabangsa yang berkesan dapat diwujudkan; dan (c) membangunkan dan melaksanakan strategi Perbendaharaan untuk menjayakan rundingan *Free Trade Agreement* (FTA) serta mewujudkan kolaborasi yang strategik kalangan kementerian dan agensi lain yang terlibat.

### **Aktiviti 5: Kastam Diraja Malaysia**

**Fungsi:** Memastikan kutipan hasil cukai tidak langsung negara yang cekap dan berkesan dengan sasaran kutipan secara optimum dan kos operasi (dasar sedia ada) bagi setiap RM100 kutipan hasil yang minima.

## **PROGRAM 3 : STRATEGI PELABURAN**

### **PRESTASI OUTCOME PROGRAM**

#### **Outcome: Strategi pelaburan yang berkesan**

<b>Petunjuk Prestasi Utama</b>	<b>2017 (Sebenar)</b>	<b>2018 (Sasaran)</b>	<b>2019 (Sasaran)</b>
Peratusan kutipan bayaran balik pinjaman dilaksanakan secara berkesan (%)	55.26	52.00	53.00
Pulangan dividen sebenar syarikat MKD dengan pegangan majoriti (RM juta)	218	203	200

#### **Aktiviti 1: Syarikat Pelaburan Kerajaan**

**Fungsi:** Memaksimumkan pulangan pelaburan Kerajaan dalam syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) sama ada dari segi pulangan kewangan atau penyampaian perkhidmatan.

#### **Aktiviti 2: Pengurusan Strategik Badan Berkanun**

**Fungsi:** Merangka dan melaksanakan dasar serta hala tuju pengurusan kewangan badan berkanun.

#### **Aktiviti 3: Pelaburan Strategik**

**Fungsi:** Mengurus pinjaman Kerajaan Persekutuan dan dasar pembiayaan Kerajaan Persekutuan secara berhemat.

#### **Aktiviti 4: Pengurusan Aset Awam**

**Fungsi:** Mengawal, menyelaras dan memantau pengurusan wang awam serta aset awam Kerajaan.

#### **Aktiviti 5: Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)**

**Fungsi:** (a) Merancang, menyelaras, mengawal dan menilai pelaksanaan projek-projek kerjasama awam swasta; (b) mengurus dan menilai projek-projek yang memerlukan pembiayaan dana fasilitasi berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan; dan (c) memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan koridor.

## PROGRAM 4 : PERKHIDMATAN KEWANGAN AWAM

### PRESTASI OUTCOME PROGRAM

**Outcome : Perkhidmatan kewangan awam yang berkesan, adil dan cekap**

Petunjuk Prestasi Utama	2017 (Sebenar)	2018 (Sasaran)	2019 (Sasaran)
Peratusan pematuhan kepada peraturan kewangan yang ditetapkan (%)	89.70	90.00	90.00
Peratusan penyelesaian rayuan mengikut masa yang ditetapkan (%)	100.00	95.00	95.00

#### **Aktiviti 1: Perolehan Kerajaan**

**Fungsi:** (a) Memastikan perolehan Kerajaan adalah terbaik, paling menguntungkan dan diuruskan dengan cekap, telus dan saksama; (b) mengautomasikan, memperkayakan semula dan mengubah sistem perolehan yang sedia ada kepada sistem perolehan elektronik bertaraf dunia; (c) menyumbang kepada penjimatan kos operasi dalam proses perolehan; dan (d) mengurangkan masa pusingan kepada penjimatan kos operasi dalam proses perolehan.

#### **Aktiviti 2: Strategi Nasional**

**Fungsi:** (a) Menyelaras dan menerajui pelaksanaan projek-projek merentasi kementerian yang telah diluluskan oleh Kerajaan termasuklah inisiatif pembangunan koridor ekonomi wilayah seperti ECER (Wilayah Timur), NCER (Wilayah Utara), Iskandar Malaysia (Wilayah Selatan), SCORE (Wilayah Sarawak) dan SDC (Wilayah Sabah); dan (b) menyelaras, melaksana dan memantau perjalanan 22 Pusat Transformasi Bandar (UTC) di seluruh negara.

#### **Aktiviti 3: Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan**

**Fungsi:** Mendengar dan memutuskan rayuan pembayar cukai yang tidak berpuas hati terhadap taksiran cukai pendapatan yang dibuat oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.

#### **Aktiviti 4: Tribunal Rayuan Kastam**

**Fungsi:** Memperuntukkan satu sistem rayuan yang adil, telus dan cepat kepada mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan Ketua Pengarah Kastam dan meningkatkan kecekapan sistem pentadbiran rayuan percukaian supaya lebih mesra niaga dan pelanggan.

#### **Aktiviti 5: Perbendaharaan Malaysia Sabah**

**Fungsi:** Memastikan semua Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan di Sabah mematuhi tatacara dan dasar kewangan supaya sumber-sumber kewangan Kerajaan dapat digunakan dengan lebih berkesan dan cekap bagi memastikan rakyat mendapat manfaat yang optimum melalui pelaksanaan dasar-dasar kewangan Kerajaan.

## **Aktiviti 6: Perbendaharaan Malaysia Sarawak**

**Fungsi:** Memastikan semua Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan di Sarawak mematuhi tatacara dan dasar kewangan supaya sumber-sumber kewangan Kerajaan dapat digunakan dengan lebih berkesan dan cekap bagi memastikan rakyat mendapat manfaat yang optimum melalui pelaksanaan dasar-dasar kewangan Kerajaan.

## **Aktiviti 7: Penilaian dan Perkhidmatan Harta**

**Fungsi:** Memberi perkhidmatan penilaian, perundingan dan penyebaran maklumat harta tanah yang boleh dipercayai, menepati masa dan profesional.

## **PROGRAM 5 : PERKHIDMATAN PERAKAUNAN**

### **PRESTASI OUTCOME PROGRAM**

#### **Outcome 1 : Kebolehpercayaan dan ketepatan maklumat kewangan**

<b>Petunjuk Prestasi Utama</b>	<b>2017 (Sebenar)</b>	<b>2018 (Sasaran)</b>	<b>2019 (Sasaran)</b>
Peratusan penyata kewangan yang mematuhi peraturan dan piawaian perakaunan (%)	100.00	100.00	100.00

#### **Outcome 2 : Perkhidmatan perakaunan dan kewangan yang berkesan**

<b>Petunjuk Prestasi Utama</b>	<b>2017 (Sebenar)</b>	<b>2018 (Sasaran)</b>	<b>2019 (Sasaran)</b>
Peratusan indeks keberkesanan latihan perakaunan (%)	87.57	86.00	86.00
Peratusan Indeks kepuasan pelanggan (%)	98.42	95.00	95.00
Markah Indeks Akauntabiliti (%)	92.27	92.00	92.00

## **Aktiviti 1: Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan**

**Fungsi:** (a) Memastikan organisasi yang efisien dan efektif ke arah mempertingkatkan kualiti perkhidmatan perakaunan dan akauntabiliti dalam sektor awam; (b) mengawal dan memantau tahap profesionalisme dan pengurusan piawaian perakaunan sektor awam selaras dengan kehendak-kehendak pengurusan perakaunan yang telah ditetapkan; (c) mengadakan kawalan ke atas pengeluaran kelulusan juruaudit dan penyelesaian syarikat; (d) memastikan perkhidmatan sokongan pentadbiran dan kewangan bagi menjayakan program-program perakaunan untuk semua Skim Perakaunan; dan meningkatkan kemahiran melalui latihan perolehan secara elektronik.

**Aktiviti 2: Pengurusan Wang Tak Dituntut**

**Fungsi:** (a) Menguatkuasakan Akta Wang Tak Dituntut 1965; dan (b) mengurus Sekuriti-Sekuriti Tak Dituntut.

**Aktiviti 3: Pengurusan Teknologi Maklumat**

**Fungsi:** Membangun dan menyelenggara sistem komputer untuk membolehkan maklumat yang lengkap serta tepat pada masanya dikeluarkan mengikut keperluan pelanggan.

**Aktiviti 4: Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan**

**Fungsi:** (a) Memastikan proses bayaran dan pungutan diperakaunkan dengan betul selaras dengan peraturan-peraturan kewangan; dan (b) memantau dan menyelaraskan pelaksanaan operasi perakaunan dan kewangan di semua Pejabat Perakaunan agar mematuhi dasar, peraturan dan prosedur perakaunan dan kewangan yang berkuat kuasa.

**Aktiviti 5: Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi**

**Fungsi:** (a) Menyediakan Penyata Kewangan Persekutuan untuk mengakaunkan segala transaksi kewangan yang berhubung dengan Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan untuk dibentangkan di Parlimen; dan (b) memastikan wang yang terdapat di dalam Kumpulan Wang Disatukan diuruskan secara efisien.

**Aktiviti 6: Pengurusan Audit Dalam**

**Fungsi:** Memastikan pengauditan dilaksanakan secara berkesan dan menjalankan penyeliaan ke atas penerimaan hasil atau amanah Persekutuan.

**Aktiviti 7: Khidmat Perunding**

**Fungsi:** (a) Memberi perkhidmatan perundingan dan kelulusan serta pembangunan, penyenggaraan dan sokongan teknikal dalam pembangunan sistem kewangan dan perakaunan kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Agensi Kerajaan selaras dengan peraturan, prosedur dan piawaian perakaunan yang diterima pakai; dan (b) menetapkan peraturan dan prosedur perakaunan dan kewangan serta perkhidmatan perundingan untuk Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Agensi Kerajaan dalam membantu membuat keputusan.

**Aktiviti 8: Pengurusan Perakaunan Kementerian Kewangan**

**Fungsi:** (a) Memastikan proses bayaran dan pungutan bagi semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan Kementerian Kewangan diperakaunkan dengan betul selaras dengan peraturan-peraturan kewangan; (b) mengumpul dan menganalisis maklumat kewangan bagi mengesyorkan penggunaan sumber dan prosedur yang berkesan dan memberi cadangan strategik; dan (c) merancang, membangun dan melaksanakan program latihan dan kursus bagi meningkatkan kemahiran perakaunan dan kewangan di Kementerian Kewangan.

**Aktiviti 9: Institut Perakaunan Negara (IPN)**

**Fungsi:** Memberi khidmat latihan tentang perakaunan dan kewangan sektor awam serta menjalankan penyelidikan dalam bidang perakaunan.



**ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TAHUN 2019 MENGIKUT OBJEK AM**

<i>Kod (Objek Am)</i>	<i>Jenis Perbelanjaan</i>	<i>Anggaran Tahun 2018 RM</i>	<i>Anggaran Tahun 2019 RM</i>
10000	Emolumen	1,333,295,100	<b>1,251,288,800</b>
20000	Perkhidmatan dan Bekalan	3,017,705,400	<b>2,862,127,800</b>
30000	Aset	4,642,400	<b>198,512,200</b>
40000	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	272,494,900	<b>41,170,400</b>
50000	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	694,800	<b>1,252,900</b>
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS		4,628,832,600	<b>4,354,352,100</b>

**ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2019 MENGIKUT OBJEK AM**

<i>Kod (Objek Am)</i>	<i>Jenis Perbelanjaan</i>	<i>Anggaran Tahun 2018 RM</i>	<i>Anggaran Tahun 2019 RM</i>
20000	Perkhidmatan dan Bekalan	249,892,400	<b>96,227,200</b>
30000	Aset	984,778,900	<b>1,413,766,100</b>
40000	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	4,161,000,000	<b>5,043,011,900</b>
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN		5,395,671,300	<b>6,553,005,200</b>

**RINGKASAN - 2019**

Anggaran Perbelanjaan Mengurus	<b>4,354,352,100</b>
Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Cara Langsung) .. .. .	<b>6,543,005,200</b>
(Pinjaman) .. .. .	<b>10,000,000</b>
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN PERBENDAHARAAN	<b>10,907,357,300</b>

## Maksud Bekalan 10 - PERBENDAHARAAN

B.10

Pegawai Pengawal: **KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN**

Butiran	Program/Aktiviti	Kod (Objek Am)	Anggaran	Anggaran	Bil. Jawatan	
			2018	2019	2018	2019
			RM	RM		
<b>010000</b>	<b>PENGURUSAN KEMENTERIAN</b>	...	330,104,500	<b>409,999,700</b>		
		10000	135,471,300	<b>147,048,900</b>	909	<b>909</b>
		20000	169,447,000	<b>237,725,800</b>		
		30000	67,400	<b>5,000</b>		
		40000	25,088,800	<b>25,190,000</b>		
		50000	30,000	<b>30,000</b>		
010100	Pengurusan Am	...	312,027,000	<b>391,730,300</b>	763	<b>763</b>
		10000	123,980,400	<b>135,565,600</b>		
		20000	162,860,400	<b>230,939,700</b>		
		30000	67,400	<b>5,000</b>		
		40000	25,088,800	<b>25,190,000</b>		
		50000	30,000	<b>30,000</b>		
010200	Strategi Korporat dan Komunikasi	...	7,205,500	<b>6,844,800</b>		
		10000	4,903,800	<b>4,917,300</b>	57	<b>57</b>
		20000	2,301,700	<b>1,927,500</b>		
010300	Pengurusan Teknologi Maklumat	...	10,872,000	<b>11,424,600</b>		
		10000	6,587,100	<b>6,566,000</b>	89	<b>89</b>
		20000	4,284,900	<b>4,858,600</b>		
<b>020000</b>	<b>STRATEGI FISKAL</b>	...	3,503,064,400	<b>3,122,068,500</b>		
		10000	900,954,200	<b>783,902,000</b>	15,264	<b>15,264</b>
		20000	2,600,901,200	<b>2,330,946,100</b>		
		30000	0	<b>5,500,000</b>		
		40000	606,000	<b>546,000</b>		
		50000	603,000	<b>1,174,400</b>		
020100	Fiskal dan Ekonomi	...	9,680,300	<b>8,121,100</b>		
		10000	7,895,300	<b>6,275,900</b>	81	<b>81</b>
		20000	1,785,000	<b>1,845,200</b>		
020200	Cukai	...	2,212,710,700	<b>1,914,329,900</b>		
		10000	8,545,300	<b>11,242,900</b>	113	<b>113</b>
		20000	2,203,821,400	<b>1,902,162,600</b>		
		50000	344,000	<b>924,400</b>		
020300	Belanjawan Negara	...	20,000,000	<b>18,762,500</b>		
		10000	13,095,000	<b>13,873,500</b>	161	<b>161</b>
		20000	6,905,000	<b>4,889,000</b>		
020400	Antarabangsa	...	4,784,400	<b>3,987,200</b>		
		10000	3,089,700	<b>2,811,900</b>	30	<b>30</b>
		20000	1,685,700	<b>1,175,300</b>		
		50000	9,000	<b>0</b>		
020500	Kastam Diraja Malaysia	...	1,255,889,000	<b>1,176,867,800</b>		
		10000	868,328,900	<b>749,697,800</b>	14,879	<b>14,879</b>
		20000	386,704,100	<b>420,874,000</b>		
		30000	0	<b>5,500,000</b>		
		40000	606,000	<b>546,000</b>		
		50000	250,000	<b>250,000</b>		

## Maksud Bekalan 10 - PERBENDAHARAAN

B.10

Pegawai Pengawal: **KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN**

Butiran	Program/Aktiviti	Kod (Objek Am)	Anggaran	Anggaran	Bil. Jawatan	
			2018	2019	2018	2019
			RM	RM		
<b>030000 STRATEGI PELABURAN</b>		...	166,601,000	<b>63,802,800</b>		
		10000	35,733,200	<b>35,125,100</b>	<u>441</u>	<u>441</u>
		20000	14,232,500	<b>13,363,100</b>		
		40000	116,625,300	<b>15,304,600</b>		
		50000	10,000	<b>10,000</b>		
030100	Syarikat Pelaburan Kerajaan	...	10,442,000	<b>10,360,000</b>		
		10000	5,100,600	<b>5,015,400</b>	63	<b>63</b>
		20000	5,341,400	<b>5,344,600</b>		
030200	Pengurusan Strategik Badan Berkanun	...	3,578,300	<b>3,663,000</b>		
		10000	3,290,300	<b>3,377,000</b>	40	<b>40</b>
		20000	288,000	<b>286,000</b>		
030300	Pelaburan Strategik	...	10,080,000	<b>9,282,100</b>		
		10000	6,832,000	<b>6,185,100</b>	87	<b>87</b>
		20000	3,248,000	<b>3,097,000</b>		
030400	Pengurusan Aset Awam	...	8,624,300	<b>7,942,000</b>		
		10000	6,614,300	<b>6,651,600</b>	90	<b>90</b>
		20000	2,000,000	<b>1,280,400</b>		
		50000	10,000	<b>10,000</b>		
030500	Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)	...	133,876,400	<b>32,555,700</b>		
		10000	13,896,000	<b>13,896,000</b>	161	<b>161</b>
		20000	3,355,100	<b>3,355,100</b>		
		40000	116,625,300	<b>15,304,600</b>		
<b>040000 PERKHIDMATAN KEWANGAN AWAM</b>		...	329,650,900	<b>255,175,500</b>		
		10000	130,281,100	<b>135,011,300</b>	<u>2,537</u>	<u>2,537</u>
		20000	68,189,600	<b>120,026,700</b>		
		30000	1,000,000	<b>0</b>		
		40000	130,128,400	<b>99,000</b>		
		50000	51,800	<b>38,500</b>		
040100	Perolehan Kerajaan	...	36,244,100	<b>35,526,300</b>		
		10000	18,907,100	<b>19,467,200</b>	286	<b>286</b>
		20000	17,285,200	<b>16,020,600</b>		
		50000	51,800	<b>38,500</b>		
040200	Strategi Nasional	...	136,450,000	<b>37,705,200</b>		
		10000	4,250,000	<b>4,812,400</b>	49	<b>49</b>
		20000	2,200,000	<b>32,892,800</b>		
		40000	130,000,000	<b>0</b>		
040300	Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan	...	1,600,000	<b>1,751,600</b>		
		10000	1,428,000	<b>1,497,200</b>	13	<b>13</b>
		20000	172,000	<b>254,400</b>		
040400	Tribunal Rayuan Kastam	...	1,400,000	<b>1,457,600</b>		
		10000	1,231,000	<b>1,374,100</b>	14	<b>14</b>
		20000	169,000	<b>83,500</b>		
040500	Perbendaharaan Malaysia Sabah	...	3,507,800	<b>3,479,800</b>		
		10000	2,399,700	<b>2,462,700</b>	46	<b>46</b>
		20000	1,108,100	<b>1,017,100</b>		

## Maksud Bekalan 10 - PERBENDAHARAAN

B.10

Pegawai Pengawal: **KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN**

Butiran	Program/Aktiviti	Kod (Objek Am)	Anggaran	Anggaran	Bil. Jawatan	
			2018	2019	2018	2019
			RM	RM		
040600	Perbendaharaan Malaysia Sarawak	... ..	3,394,500	<b>3,504,900</b>		
		10000	2,417,700	<b>2,404,300</b>	46	<b>46</b>
		20000	976,800	<b>1,100,600</b>		
040700	Penilaian dan Perkhidmatan Harta	... ..	147,054,500	<b>171,750,100</b>		
		10000	99,647,600	<b>102,993,400</b>	2,083	<b>2,083</b>
		20000	46,278,500	<b>68,657,700</b>		
		30000	1,000,000	<b>0</b>		
		40000	128,400	<b>99,000</b>		
<b>050000</b>	<b>PERKHIDMATAN PERAKAUNAN</b>	... ..	<b>285,273,400</b>	<b>474,240,000</b>		
		10000	130,743,300	<b>133,174,300</b>	<u>2,510</u>	<u>2,510</u>
		20000	150,908,700	<b>148,027,700</b>		
		30000	3,575,000	<b>193,007,200</b>		
		40000	46,400	<b>30,800</b>		
050100	Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan	... ..	73,284,200	<b>44,477,400</b>		
		10000	19,271,700	<b>19,768,700</b>	218	<b>218</b>
		20000	53,906,100	<b>24,670,700</b>		
		30000	60,000	<b>7,200</b>		
		40000	46,400	<b>30,800</b>		
050200	Pengurusan Wang Tak Dituntut	... ..	10,312,200	<b>9,830,800</b>		
		10000	4,045,000	<b>4,206,500</b>	71	<b>71</b>
		20000	6,267,200	<b>5,624,300</b>		
050300	Pengurusan Teknologi Maklumat	... ..	72,782,400	<b>291,372,300</b>		
		10000	10,138,600	<b>10,074,000</b>	145	<b>145</b>
		20000	59,743,800	<b>88,298,300</b>		
		30000	2,900,000	<b>193,000,000</b>		
050400	Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan	... ..	83,125,100	<b>82,889,800</b>		
		10000	69,465,000	<b>70,920,300</b>	1,603	<b>1,603</b>
		20000	13,660,100	<b>11,969,500</b>		
050500	Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi	... ..	6,334,700	<b>6,595,800</b>		
		10000	5,738,700	<b>6,019,400</b>	104	<b>104</b>
		20000	596,000	<b>576,400</b>		
050600	Pengurusan Audit Dalam	... ..	10,307,400	<b>10,077,600</b>		
		10000	8,631,400	<b>8,441,900</b>	141	<b>141</b>
		20000	1,676,000	<b>1,635,700</b>		
050700	Khidmat Perunding	... ..	8,277,100	<b>9,392,000</b>		
		10000	4,382,300	<b>4,458,100</b>	61	<b>61</b>
		20000	3,894,800	<b>4,933,900</b>		
050800	Pengurusan Perakaunan Kementerian Kewangan	... ..	4,715,000	<b>4,445,100</b>		
		10000	4,066,400	<b>4,161,200</b>	61	<b>61</b>
		20000	283,600	<b>283,900</b>		
		30000	365,000	<b>0</b>		
050900	Institut Perakaunan Negara (IPN)	... ..	16,135,300	<b>15,159,200</b>		
		10000	5,004,200	<b>5,124,200</b>	106	<b>106</b>
		20000	10,881,100	<b>10,035,000</b>		
		30000	250,000	<b>0</b>		

## Maksud Bekalan 10 - PERBENDAHARAAN

B.10

Pegawai Pengawal: **KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN**

Butiran	Program/Aktiviti	Kod (Objek Am)	Anggaran	Anggaran	Bil. Jawatan	
			2018	2019	2018	2019
			RM	RM		
<b>060000</b>	<b>PROGRAM KHUSUS</b>	...	14,138,400	<b>29,065,600</b>		
		10000	112,000	<b>17,027,200</b>		
		20000	14,026,400	<b>12,038,400</b>		
060100	Bertugas ke Luar Negara	...	8,000,000	<b>6,000,000</b>		
		10000	112,000	<b>100,000</b>		
		20000	7,888,000	<b>5,900,000</b>		
060200	Emolumen Kakitangan Kontrak	...	6,138,400	<b>6,138,400</b>		
		20000	6,138,400	<b>6,138,400</b>		
060300	Pengisian Jawatan Kosong	...	0	<b>16,927,200</b>		
		10000	0	<b>16,927,200</b>		
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS			4,628,832,600	<b>4,354,352,100</b>	<u>21,661</u>	<u>21,661</u>

## Maksud Pembangunan 10 - PERBENDAHARAAN

P.10

Pegawai Pengawal: KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN

Butiran (Projek)	Tajuk	Jumlah Anggaran Harga Projek	Perbelanjaan Sebenar 2017	Anggaran Dipinda 2018	Anggaran Tahun 2019	
					Cara Langsung	Pinjaman
(1)	(2)	(3) RM	(4) RM	(5) RM	(6) RM	(7) RM
00107	Southern Johor Development	2,300,699,034	149,387,500	132,000,000	<b>277,250,000</b>	<b>0</b>
00113	Pembangunan Lima Koridor	12,888,176,305	1,308,934,272	860,810,720	<b>1,219,585,600</b>	<b>0</b>
01000	Pembesaran / Menaiktaraf INSPEN	56,550,000	2,791,678	1,800,000	<b>25,800,000</b>	<b>0</b>
06000	Pengkomputeran Jabatan Akauntan Negara	212,317,810	2,456,927	17,169,400	<b>10,604,700</b>	<b>0</b>
07000	Projek Institut Perakaunan Negara	6,000,000	0	100,000	<b>3,500,000</b>	<b>0</b>
09000	Pelbagai Suntikan Ekuiti	5,144,300,000	55,000,000	75,000,000	<b>4,764,300,000</b>	<b>10,000,000</b>
10000	Pengkomputeran Perbendaharaan	16,702,000	1,765,004	9,636,500	<b>4,476,100</b>	<b>0</b>
15000	Pengkomputeran JPPH	11,000,000	0	1,896,000	<b>1,946,400</b>	<b>0</b>
19000	Penyelidikan dan Pembangunan	60,000,000	15,000,000	15,000,000	<b>5,000,000</b>	<b>0</b>
50000	Sewaan Bangunan	1,778,292,711	0	116,711,900	<b>116,711,900</b>	<b>0</b>
78000	Program Pembiayaan	100,000,000	15,000,000	15,000,000	<b>5,000,000</b>	<b>0</b>
81000	Kajian Kemungkinan UKAS	12,000,000	389,990	1,000,000	<b>1,000,000</b>	<b>0</b>
86000	Pembangunan iGFMAS	345,000,000	21,330,583	11,239,700	<b>27,200,000</b>	<b>0</b>
90000	Pejabat dan Rumah Kediaman Kastam	197,924,000	38,585,100	61,155,300	<b>41,800,000</b>	<b>0</b>
91000	Kenderaan Lanci dan Alat Kelengkapan Kastam	576,970,352	46,138,697	59,105,700	<b>37,000,000</b>	<b>0</b>

Maksud Pembangunan 10 - **PERBENDAHARAAN****P.10***Pegawai Pengawal: KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN*

<i>Butiran (Projek)</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Jumlah Anggaran Harga Projek</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar 2017</i>	<i>Anggaran Dipinda 2018</i>	<i>Anggaran Tahun 2019</i>	
					<i>Cara Langsung</i>	<i>Pinjaman</i>
<i>(1)</i>	<i>(2)</i>	<i>(3) RM</i>	<i>(4) RM</i>	<i>(5) RM</i>	<i>(6) RM</i>	<i>(7) RM</i>
96000	Padang Bola Sepak Tiruan	13,490,000	2,704,571	8,325,545	<b>1,830,500</b>	<b>0</b>
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN		<b>23,719,422,212</b>	<b>1,659,484,322</b>	<b>1,385,950,765</b>	<b>6,543,005,200</b>	<b>10,000,000</b>